

# LITERASI, SOSIALISASI, TINGKAH LAKU DAN KOMPETENSI KEWANGAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

Nurul 'Alyaa Adillah Mokhtar

Mohamad Fazli Sabri

Ahmad Hariza Hashim

Husniyah Abd Rahim

Mohd Amim Othman

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

## Pengenalan

Salah satu kemahiran penting dalam kehidupan seseorang ialah kemahiran pengurusan kewangan yang dipelajari sejak kecil (Abramovitch, Freedman & Pliner, 1991; Clercq, 2009). Tidak pernah terlalu awal bagi ibu bapa untuk mengajar anak-anak tentang asas menguruskan kewangan kerana wang adalah salah satu keperluan yang penting bagi setiap individu dalam memenuhi kebanyakan matlamat yang ingin dicapai. Akan tetapi, wang juga merupakan salah satu punca kepada kebanyakan masalah yang berlaku. Bagi sesetengah individu, bebanan masalah kewangan yang tidak pernah berkesudahan boleh menjejaskan kesejahteraan hidup. Ramai yang terhimpit dengan beban kewangan, termasuklah golongan remajakerana masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga mereka boleh mengganggu kehidupan remaja tersebut, terutama dari segi pembelajaran.

Menurut Jabatan Insolvensi Negara, sebanyak 19,575 orang rakyat Malaysia telah diisytiharkan muflis pada tahun 2012 dan statistik tertinggi menunjukkan golongan belia yang berumur 35 hingga 44 merupakan golongan muflis yang paling tinggi iaitu seramai 7,164 orang. Hal ini sangat membimbangkan kerana golongan muda merupakan aset penting dalam membangunkan negara. Walaubagaimanapun, hal ini mampu diatasi jika seseorang individu mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang baik. Kebanyakan punca masalah kewangan yang berlaku sebenarnya bermula daripada amalan serta tingkah laku individu itu sendiri dalam mengendalikan kewangan, seperti berbelanja melebihi pendapatan, penggunaan kredit yang berlebihan, banyak membeli mengikut kehendak daripada keperluan dan tidak mempunyai simpanan untuk masa kecemasan.

Golongan kanak-kanak juga tidak terkecuali daripada bertanggungjawab menguruskan kewangan mereka sendiri. Walaupun sumber kewangan mereka sangat terhad kerana kebanyakan sumber wang mereka diberi oleh ibu bapa, namun kemahiran mereka menguruskan wang yang ada perlu diberi perhatian. Kanak-kanak perlu bijak menguruskan perbelanjaan wang saku yang diterima kerana cara mereka berbelanja boleh mempengaruhi pengurusan kewangan mereka apabila dewasa kelak. Jika seseorang kanak-kanak itu terbiasa dengan sikap boros dan tidak belajar menabung atau menyimpan, maka tidak mustahil kanak-kanak tersebut menghadapi masalah kewangan apabila dewasa kelak. Kajian lepas menunjukkan bahawa pengalaman menguruskan kewangan pada zaman kanak-kanak mempunyai perkaitan positif dengan amalan kewangan yang baik apabila dewasa (Kim & Chatterjee, 2013).

Tabiat dan amalan mengenai perbelanjaan, simpanan dan pengetahuan kewangan yang diterapkan sejak kecil mampu membentuk seseorang kanak-kanak menjadi pengurus kewangan yang baik apabila dewasa (Holden, Kalish, Scheinholtz, Dietrich & Novak, 2009). Dapatan ini selari dengan kajian Garman dan Forge (2005) iaitu kanak-kanak yang dididik dengan pengurusan kewangan yang baik sejak kecil, didapati tidak mempunyai masalah dalam menguruskan kewangan mereka pada masa hadapan. Namun begitu, tidak banyak kajian yang mengkaji kemampuan pengurusan kewangan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap literasi kewangan, sosialisasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

## **Tinjauan literatur**

### **Literasi kewangan**

Literasi kewangan ialah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan cabaran kewangan serta membuat keputusan mengenai kewangan dalam kehidupan seharian (Sohn, Joo, Grable, Lee & Kim, 2012). Menurut kajian yang lepas, tahap pengetahuan mengenai kewangan merupakan isu yang penting dalam tingkah laku pengurusan kewangan. Hal ini kerana kekurangan pengetahuan mengenai kewangan boleh menjurus kearah bebanan hutang (Norvilitis, Merwin, Osberg, Roehling, Young & Kamas, 2006). Tambahan, kekurangan ilmu tentang kewangan boleh mempengaruhi keupayaan pelajar dalam membuat keputusan yang positif mengenai kewangan disepanjang kehidupan mereka (Jorgensen & Savla, 2010).

## Sosialisasi kewangan

Ibu bapa merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembuatan keputusan kanak-kanak mengenai kewangan (Koh & Lee, 2010). Kemahiran menguruskan wang yang telah diterapkan oleh ibu bapa sejak seawal usia boleh mempengaruhi corak tingkah laku pengurusan kewangan apabila mereka dewasa kelak (*National Financial Educators Council*, 2011). Webley dan Nyhus (2006) yang mengkaji sama ada tingkah laku ibu bapa mempengaruhi tingkah laku ekonomi anak-anak mendapati bahawa tingkah laku ibu bapa mempunyai pengaruh yang lemah, namun masih memberi impak terhadap tingkah laku ekonomi kanak-kanak. Di samping itu, kaedah pengajaran yang menarik juga mampu membuat kanak-kanak lebih bersemangat untuk belajar mengenai konsep ekonomi dan kewangan (Sherraden, Johnson, Guo & Elliot, 2011).

## Tingkah laku kewangan

### *Simpanan*

Kajian lepas mendapati bahawa amalan menyimpan ibu bapa mempengaruhi amalan menyimpan kanak-kanak (Friedline, 2012; Pritchard, Myers & Cassidy, 1989). Disamping itu, kanak-kanak yang mempunyai amalan menyimpan yang disertai dengan persepsi yang positif tentang kebaikan menyimpan mampu meningkatkan amalan menyimpan dalam diri kanak-kanak (Elliot, 2012). Kajian Kim dan Chatterjee (2013) juga membuktikan bahawa individu yang mempunyai akaun simpanan sejak kecil mempunyai amalan kewangan yang baik apabila meningkat dewasa.

### *Pola perbelanjaan*

Menurut kajian Oyewole, Peng dan Choudhury (2010), kanak-kanak merupakan pengaruh yang penting dalam proses pembelian pada masa kini. Kanak-kanak juga boleh mempengaruhi keputusan pembelian keluarga mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung (Ali, Batra, Ravichandran, Zuhair & Rehman, 2012). Kajian Dotson dan Hyatt (2005) menyatakan bahawa peningkatan besar dalam perbelanjaan oleh kanak-kanak merupakan salah satu ciri negara maju seperti Amerika Syarikat. Sejak tiga dekad yang lalu, kanak-kanak di negara luar mempunyai kuasa membeli dan telah menggunakan wang perbelanjaan mereka sendiri dan keadaan ini semakin meningkat apabila memasuki tahun 1990-an.

## Kompetensi kewangan

Kemahiran yang diperoleh pada zaman kanak-kanak dan tabiat yang diterapkan oleh ibu bapa sangat penting dalam menentukan corak atau tingkah laku kewangan anak-anak pada masa hadapan (Holden *et al.*, 2009). Hal ini kerana kehidupan sekarang yang serba maju dan moden memaksa orang muda sekarang untuk sentiasa membuat keputusan mengenai kewangan yang semakin kompleks bagi mengelakkan masalah kewangan membelenggu kehidupan (Hunter, 2004). Seseorang yang mempunyai kemahiran menguruskan kewangan yang baik bukan sahaja memberi kebaikan secara terus kepada mereka, bahkan mereka memberi pengaruh yang kuat kepada pasaran kerana mereka cekap dalam mengendali segala-gala senario yang berlaku dalam pasaran (Meza, Irlenbusch & Reyniers, 2008).

## Metodologi

### Persampelan

Seramai 400 responden telah dipilih daripada kalangan pelajar Tahun Empat dan Tahun Lima menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat (*multistage sampling*) yang melibatkan empat buah negeri yang dipilih mengikut zon iaitu zon utara (Kedah), zon timur (Kelantan), zon barat (Selangor) dan zon selatan (Negeri Sembilan). Sebanyak dua buah sekolah rendah yang berada dalam daerah di setiap ibu negeri yang dipilih terlibat. Data dikumpul menggunakan borang soalselidik dengan bantuan guru. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 16.

### Instrumen kajian

Borang soal selidik terdiri daripada lima bahagian iaitu latar belakang responden, literasi kewangan, sosialisasi kewangan, tingkah laku kewangan dan kompetensi kewangan. Bagi bahagian pertama iaitu latar belakang responden, bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan demografi responden seperti umur, jantina, etnik, tahap pendidikan bapa dan tahap pendidikan ibu. Bahagian kedua, iaitu bahagian literasi kewangan mempunyai 10 soalan berkenaan pengetahuan am mengenai kewangan dengan respon “salah” atau “betul”, manakala bahagian ketiga berkenaan sosialisasi kewangan pula terdiri daripada 11 soalan berkenaan sosialisasi kewangan dengan respon “tidak pernah”, “kadang-kadang” atau “selalu”. Bagi bahagian keempat pula iaitu tingkah laku kewangan, terdiri daripada dua bahagian iaitu amalan simpanan dan pola perbelanjaan. Amalan

simpanan diukur dengan bertanyakan satu soalan sahaja kepada responden iaitu “Adakah anda mempunyai simpanan?” dengan respon “Ya” atau “Tidak”. Bagi pemboleh ubah pola perbelanjaan, juga diukur dengan satu soalan sahaja iaitu soalan berkenaan dengan “Apakah yang anda belanja daripada wang saku yang diterima?” dan responden diberi pilihan jawapan seperti tambang bas, makanan, minuman, alat tulis, barang mainan, buku/majalah dan lain-lain. Bahagian terakhir adalah berkenaan kompetensi kewangan yang mempunyai lapan pernyataan bagi bahagian kompetensi kewangan yang ditanya kepada responden dengan skala “Ya” atau “Tidak”.

## Hasil kajian dan perbincangan

### Latar belakang responden

Maklumat latar belakang responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 50.2% responden terdiri daripada pelajar lelaki dan 49.8% responden pula adalah perempuan.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

Latar Belakang Responden	Frekuensi (n=400)	Peratus (%)
<b>Umur</b>		
10 tahun	156	39.0
11 tahun	244	61.0
<b>Jantina</b>		
Lelaki	201	50.2
Perempuan	199	49.8
<b>Etnik</b>		
Melayu	326	81.5
Cina	25	6.2
India	39	9.8
Lain-lain	10	2.4
<b>Tahap pendidikan bapa</b>		
Tidak pernah bersekolah	1	0.2
Sekolah Rendah	11	2.8
Sekolah Menengah	178	44.5
Kolej/Universiti	300	52.5
<b>Tahap pendidikan ibu</b>		
Tidak pernah bersekolah	2	0.5
Sekolah Rendah	16	4.0
Sekolah Menengah	176	44.0
Kolej/ Universiti	206	51.6

Lebih separuh daripada jumlah responden terdiri daripada pelajar yang berumur 11 tahun (61.0%) dan 39.0% responden terdiri daripada pelajar

berumur 10 tahun. Majoriti responden terdiri daripada etnik Melayu (81.5%), diikuti dengan 6.2% etnik Cina, 9.8% merupakan etnik India dan selebihnya terdiri etnik lain-lain (2.4%). Hasil analisis juga menunjukkan lebih daripada satu perdua ibu bapa responden mempunyai pendidikan di peringkat universiti. Hal ini menunjukkan kebanyakan ibu bapa responden mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.


## Literasi kewangan kanak-kanak

Taburan respon bagi soalan yang berkaitan dengan literasi kewangan ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil kajian menunjukkan bahawa 88.5% daripada jumlah responden menjawab dengan betul bagi pernyataan yang salah “Kita boleh beli apa sahaja dengan wang ringgit termasuklah kasih sayang.” Hal ini menunjukkan responden tahu bahawa tidak semua perkara boleh dibeli dengan wang ringgit. Responden juga tahu bahawa wang tidak diperoleh secara percuma dan kita harus bekerja untuk mendapatkan wang (97.0%). Kebanyakan responden juga tahu bahawa membeli buku cerita bukan merupakan matlamat jangka panjang (73.8%). Namun begitu, kurang daripada separuh jumlah responden tahu bahawa rakan sebaya bukan merupakan sumber rujukan terbaik untuk membantu pembelian yang bijak dan berhemah (41.0%).

**Jadual 2: Taburan Literasi Responden Mengenai Kewangan (n=400)**

Bil.	Pernyataan	Betul (%)
<b>Pernyataan betul</b>		
1.	Mata wang yang digunakan di Malaysia dikenali sebagai Ringgit Malaysia.	98.5
2.	Wang tidak diperoleh secara percuma. Kita harus bekerja untuk mendapatkan wang.	97.0
3.	Membuat perbandingan semasa membeli barang boleh membantu kita mendapat harga yang berpatutan dengan wang yang kita ada.	90.5
<b>Pernyataan salah</b>		
4.	Kita boleh beli apa sahaja dengan wang ringgit termasuklah kasih sayang.	88.5
5.	Membeli buku cerita merupakan matlamat simpanan jangka panjang.	73.8
6.	Apabila seseorang meminjam wang, dia tidak perlu membayar balik wang.	93.5
7.	Anda tidak perlu menyimpan untuk membeli sesuatu yang anda idam-idamkan.	86.2
8.	iPad merupakan salah satu keperluan.	81.2
9.	Seseorang boleh berbelanja lebih daripada apa yang diperoleh.	81.0
10.	Rakan sebaya merupakan sumber rujukan terbaik untuk membantu pembelian yang bijak dan berhemah.	41.0

Berdasarkan Rajah 1, tahap literasi kewangan dikategorikan kepada tiga tahap skor iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah. Skor pengetahuan yang salah telah direkodkan semula. Setiap soalan yang dijawab dengan betul menyumbang 1 markah, manakala 0 markah diberikan jika jawapannya salah. Kebanyakan responden didapati berada pada tahap literasi yang tinggi (65.5%), hanya 25.5 peratus berada pada tahap sederhana dan sebanyak 9 peratus berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, secara keseluruhannya tahap literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan kanak-kanak pada masa sekarang peka akan hal-hal kewangan. Walaubagaimanapun, kanak-kanak masih perlu meningkatkan pengetahuan mereka mengenai sumber rujukan kewangan mereka yang utama, iaitu ibu bapa. Hal ini bagi memastikan kanak-kanak tahu bahawa ibu bapa ialah sumber rujukan yang terbaik untuk mereka rujuk mengenai kewangan kerana ibu bapa merupakan orang yang paling terdekat dalam hidup mereka.



**Rajah 1: Tahap Literasi Kewangan Kanak-Kanak**

## Sosialisasi kewangan kanak-kanak

Bahagian ini membincangkan tentang sosialisasi kewangan responden. Responden diminta untuk menanda pada respon yang sesuai dengan aktiviti kewangan yang mereka lakukan. Bahagian ini merangkumi 11 item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Hasil kajian menunjukkan bahawa 70.8% menyatakan bahawa ibu bapa selalu memberitahu apa yang boleh dan tidak boleh dibeli, manakala 60.0% daripada jumlah responden menyatakan bahawa mereka selalu mendapat nasihat daripada ibu bapa sebelum membeli. Hanya sebilangan kecil daripada responden selalu meminta ibu bapa mereka membeli barang yang diiklankan (9.2%).

**Jadual 3: Taburan Sosialisasi Kewangan (n=400)**

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>TP(%)</b>	<b>KK(%)</b>	<b>S(%)</b>
1.	Saya membeli barang di kedai bersama-sama ibu bapa.	2.0	50.8	47.2
2.	Saya membantu ibu bapa mendapatkan maklumat mengenai barangan yang dibeli.	17.2	48.8	34.0
3.	Ibu bapa meminta saya ke kedai untuk membeli barang keperluan keluarga.	35.0	39.8	25.2
4.	Ibu bapa menggalakkan saya supaya menentukan sendiri bagaimana membelanjakan wang.	25.0	44.0	31.0
5.	Ibu bapa memberitahu saya apa yang boleh dan tidak boleh beli.	7.0	22.2	70.8
6.	Ibu bapa bertanya bagaimana saya membelanjakan wang saya.	14.2	41.2	44.5
7.	Saya mesti melakukan tugas tertentu untuk mendapatkan upah.	34.8	42.5	22.8
8.	Saya dibawa ibu bapa apabila keluar membeli barang keperluan.	4.2	44.8	51.0
9.	Saya mendapat nasihat daripada ibu bapa sebelum membeli.	8.8	31.2	60.0
10.	Saya berbincang dengan ibu bapa mengenai pembelian.	18.2	40.0	41.8
11.	Saya meminta ibu bapa membeli barangan yang diiklankan.	52.2	38.5	9.2


**Petunjuk:** TP=Tidak Pernah; KK=Kadang-kadang; S=Selalu

Kurang daripada separuh jumlah responden menyatakan bahawa mereka kadang-kadang membantu ibu bapa mendapatkan maklumat mengenai barangan yang dibeli (48.8%), manakala lebih daripada satu perdua responden menyatakan bahawa mereka kadang-kadang membeli barang di kedai bersama-sama ibu bapa (50.8%). Hanya segelintir daripada responden menyatakan bahawa ibu bapa kadang-kadang memberitahu mereka apa yang boleh dan tidak boleh dibeli (22.2%). Seterusnya, 34.8% responden menjawab tidak pernah bagi pernyataan “Saya mesti melakukan tugas tertentu untuk mendapatkan upah.”, manakala 25.0% daripada jumlah responden menyatakan ibu bapa mereka tidak pernah menggalakkan mereka supaya menentukan sendiri bagaimana membelanjakan wang.

Berdasarkan Rajah 2, tahap sosialisasi kewangan dikategorikan kepada tiga tahap skor iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah. Skor bagi skala “tidak pernah” dan “kadang-kadang” telah direkodkan semula. Skor bagi skala “selalu” diberikan 1 markah manakala skor bagi skala “tidak pernah” dan “kadang-kadang” diberikan 0 markah. Dapatan kajian mendapati tahap sosialisasi kewangan kanak-kanak berada pada tahap yang



memberangsangkan kerana mempunyai tahap sosialisasi kewangan yang tinggi (61.8%). Hanya 35.2% sahaja yang mempunyai tahap sosialisasi kewangan yang sederhana dan 3.1% daripada jumlah responden berada pada tahap yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa ibu bapa sangat memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak mengenai kewangan. Penglibatan anak-anak bersama-sama ibu bapa secara terus akan membantu kanak-kanak melalui proses sosialisasi kewangan dalam diri kanak-kanak tersebut.




**Rajah 2: Tahap Sosialisasi Kewangan Kanak-Kanak**

## Tingkah laku kewangan

### *Amalan menyimpan dalam kalangan kanak-kanak*


Rajah 3 menunjukkan amalan menyimpan dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti kanak-kanak mempunyai simpanan (85.0%) sama ada menyimpan dalam tabung, bank atau menyimpan dengan ibu bapa. Hal ini menunjukkan amalan menyimpan telah dititikberatkan dalam diri kanak-kanak seawal usia lagi. Namun begitu, ada segelintir kanak-kanak (15.0%) yang masih tidak mempunyai sebarang simpanan. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya pendedahan mengenai kepentingan menyimpan kepada kanak-kanak tersebut.



**Rajah 3: Amalan Menyimpan Kanak-kanak**

## ***Pola perbelanjaan dalam kalangan kanak-kanak***

Rajah 4 menunjukkan pola perbelanjaan yang dilakukan kanak-kanak menggunakan wang saku yang mereka terima. Majoriti kanak-kanak membelanjakan wang saku mereka untuk membeli makanan (81.0%), minuman (71.5%) dan alat tulis (46.8%). Akan tetapi, terdapat sebilangan kecil yang membelanjakan wang saku mereka untuk membeli barang mainan (6.8%).



**Rajah 4: Pola Perbelanjaan Wang Saku Kanak-Kanak**

## **Kompetensi kewangan kanak-kanak**

Bahagian ini membincangkan tentang kompetensi kewangan dalam kalangan kanak-kanak. Bahagian ini merangkumi lapan item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Kebanyakan responden tahu cara menguruskan wang sekarang boleh mempengaruhi cara menguruskan wang pada masa hadapan (74.8%), manakala 82.0% responden tahu jumlah lima keping RM10 bersamaan dengan sekeping RM50. Seterusnya, majoriti responden memeriksa kualiti barang yang hendak dibeli (96.8%) dan 94.5% responden yakin dalam setiap kali mereka membuat keputusan apabila membeli barang. Hanya 57.0% daripada jumlah responden tahu jumlah minggu yang diperlukan untuk membeli kasut yang berharga RM10 adalah selama lima minggu jika menyimpan sebanyak RM2 seminggu.


**Jadual 4: Taburan Kompetensi Kewangan (n=400)**

Bil.	Pernyataan	Ya (%)
1.	Adakah cara menguruskan wang sekarang boleh mempengaruhi cara menguruskan wang masa hadapan?	74.8
2.	Jika anda menyimpan RM2 seminggu, berapakah jumlah minggu yang diperlukan untuk membeli kasut yang berharga RM10? (Jawapan=5minggu)	57.0

**Jadual 4 (sambungan)**

Bil.	Pernyataan	Ya (%)
3.	Saya mengetahui jumlah wang simpanan saya dalam buku akaun?	66.5
4.	Adakah sama jumlah 5 keping RM10 dengan sekeping wang RM50?	82.0
5.	Sekiranya barang milik anda hilang, apakah yang anda rasa? (Jawapan=sedih)	93.0
6.	Adakah anda memeriksa kualiti barang yang hendak dibeli?	96.8
7.	Biasanya pensil yang berharga RM0.50 lebih berkualiti berbanding dengan pensil yang berharga RM0.30.	22.5
8.	Adakah anda yakin setiap kali membuat keputusan untuk membeli sesuatu barang?	94.5

Rajah 5 menunjukkan tahap kompetensi kewangan dalam diri kanak-kanak. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kompetensi kewangan kanak-kanak berada pada tahap sederhana sahaja (48.8%). Hanya 37.2% responden mempunyai tahap kompetensi kewangan yang tinggi manakala sebilangan kecil mempunyai tahap kompetensi kewangan yang rendah (14.0%). Hal ini menunjukkan tahap kompetensi kewangan kanak-kanak masih perlu diberi perhatian yang khusus. Kajian lepas mendapati tabiat dan amalan perbelanjaan, simpanan serta pengetahuan kewangan yang diterapkan sejak kecil mampu membentuk kanak-kanak menjadi pengurus kewangan yang baik apabila dewasa kelak (Holden *et al.*, 2009).



**Rajah 5: Tahap Kompetensi Kewangan Kanak-Kanak**

## **Kesimpulan dan cadangan**

Secara keseluruhan, kajian mendapati walaupun sebahagian besar responden mempunyai simpanan, tahap literasi kewangan dan tahap sosialisasi kewangan yang tinggi, namun penekanan dari segi kemahiran menguruskan

kewangan masih perlu diberi perhatian kerana tahap kompetensi kewangan mereka masih lagi pada tahap yang sederhana. Pengetahuan kanak-kanak masih perlu ditingkatkan, terutama yang berkaitan dengan peranan ibu bapa sebagai sumber rujukan kewangan utama kanak-kanak. Hal ini kerana pada usia muda, kanak-kanak masih sukar untuk membezakan antara keperluan dengan kehendak. Oleh itu, kajian ini penting dalam mengetahui kemampuan kanak-kanak menguruskan kewangan dalam menangani masalah kewangan yang dihadapi pengguna pada masa hadapan. Ibu bapa sangat memainkan peranan dalam mendidik anak-anak menjadi pengguna yang bijak bermula seawal usia lagi.

Hasil kajian ini dapat membantu beberapa pihak bagi meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan. Kajian ini mempunyai potensi yang penting dalam membantu kanak-kanak mempelajari tentang konsep kewangan. Antara cara yang boleh dilaksanakan adalah melalui penglibatan kanak-kanak secara terus dalam perkhidmatan kewangan yang disediakan di mana-mana bank. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh membuka satu akaun simpanan khas bagi setiap murid dan didedahkan dan merasai sendiri bagaimana untuk menyimpan duit di bank. Hal ini secara tidak langsung dapat memupuk amalan menyimpan dalam diri kanak-kanak dan perkara ini mendatangkan kebaikan apabila mereka dewasa kelak. Kanak-kanak akan lebih bermotivasi untuk belajar menyimpan kerana mereka mempunyai pengalaman menyimpan wang sendiri di bank dan berasa seronok apabila melihat wang mereka dalam akaun semakin bertambah. Hasil kajian lepas mendapati kompetensi kewangan kanak-kanak meningkat apabila mereka mendapat pendidikan kewangan yang disertai dengan penglibatan secara terus dalam perkhidmatan kewangan (Sherraden *et al.*, 2011). Langkah ini mungkin penting bagi kanak-kanak yang kurang pendedahan mengenai kewangan.

Disamping itu, hasil kajian ini juga dapat membantu usaha kerajaan dan juga Kementerian Pelajaran Tinggi dalam membantu meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara langkah yang boleh dilaksanakan adalah dengan mewujudkan sistem pendidikan kewangan yang formal disetiap sekolah. Hal ini kerana sekolah ialah landasan yang terbaik kerana kebanyakan kanak-kanak pergi ke sekolah. Pendidikan kewangan ini mungkin boleh dimasukkan dalam mata pelajaran yang sesuai seperti Matematik atau mengambil guru yang pakar dalam bidang kewangan. Menurut NFCE (2011), kanak-kanak sememangnya mempunyai sedikit pengalaman menguruskan kewangan, tetapi dengan adanya pendidikan pengurusan kewangan, ia akan menguatkan dan menambahkan lagi pengetahuan kewangan yang sedia ada.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi, terutama dari segi bilangan sampel yang tidak besar dan hanya memfokuskan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi kajian yang akan datang, bilangan saiz sampel di Semenanjung Malaysia mungkin boleh ditambah dan dikembangkan ke Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan data yang lebih kukuh bagi mengenalpasti tahap kompetensi kewangan kanak-kanak di Malaysia.

Kesimpulannya, usia tidak pernah menjadi penghalang bagi kanak-kanak untuk belajar dan melatih diri menguruskan kewangan. Hal ini lebih baik berbanding dengan menjadi seorang penghutang pada usia yang muda apabila dewasa kelak. Melalui kemahiran pengurusan kewangan dan pendidikan kewangan, tidak mustahil bagi kanak-kanak sekarang membesar sebagai individu yang mahir menguruskan kewangannya dan masalah seperti kebankrapan mungkin dapat dibendung.

## Rujukan

Abramovitch, R., Freedman, J.L., & Pliner, P. (1991). Children and money: Getting an allowance, credit versus cash, and knowledge of pricing. *Journal of Economic Psychology*, 12, 27-45.

Ali, A., Batra, D. K., Ravichandran, N., Zuhaib, M., & Rehman, S. U. (2012). Consumer socialization of children: A conceptual framework. *International Journal of Scientific and Research Publication*, 2(1).

Clercq, B. D. (2009). Do our children know anything about money? An exploratory study. *Meditari Accountancy Research*, 17(1), 1-13.

Dotson, M. J. & Hyatt, E. M. (2005). Major influence factors in children's consumer socialization. *Journal of Consumer Marketing*, 22(1), 35-42.

Elliot III, W. (2012). Ideas for refining children's savings account proposal. *New America Foundation and Center For Social Development*, 1-11.

Friedline, T. (2012). Predicting children's savings: The role of parents' savings for transferring financial advantage and opportunities for financial inclusion. *Children and Youth Services Review* 34, 144-154

Garman, E. T. & Fogue, R. E. 1995. *Personal Finance*. Fifth edition. New York: Houghton Mifflin Co.

Holden, K., Kalish, C., Scheinholtz, L., Dietrich, D., & Novak, B. (2009). Financial literacy programs targeted on pre-school children: Development and evaluation. *Credit Union National Association*, 2-46.

Hunter, P. (2004). Financial capability: Consumers' views on developing their financial capabilities through schools and workplaces. *Consumer Research* (17), 1-14.

Jabatan Insolvensi Negara (2013). *Statistik Bankrup*. Retrieved from [http://www.insolvensi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/Statistik\\_Bankrap.pdf](http://www.insolvensi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/Statistik_Bankrap.pdf) on 28 august 2013.

Jorgensen, B. L., & Savla, J. (2010). Financial literacy of young adults: The importance of parental socialization. *Family Relations*, 59, 465–478. doi:10.1111/j.1741-3729.2010.00616.x

Kim, J. & Chatterjee, S. (2013). Childhood financial socialization and young adults' financial management. *Financial Counseling and Planning Education*, 24(1), 61-79.

Koh, N. K. & Lee, C. B. (2010). "Because my parents say so"- Children's monetary decision making. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 9, 48-52

Meza, D. D., Irlenbusch, B., & Reyniers, D. (2008). Financial capability: A behavioural economics perspective. *Consumer Research*, 69, 1-108.

National Financial Educators Council (NFEC), (2011). Financial literacy programs and education for young children.

Norvilitis, J. M., Merwin, M. M., Osberg, T. M., Roehling, P. V., Young, P., & Kamas, M. M. (2006). Personality factors, money attitudes, financial knowledge and credit card debt in college students. *Journal of Applied Social Psychology*, 36, 1395–1413.

Oyewole, P., Peng, K. C. & Choudhury, P. K. (2010). Children's influence on parental purchase decisions in Malaysia. *Innovative Marketing*, 6(4), 8-16.

Pritchard, M. E., Myers, B. K., & Cassidy, D. (1989). Factors associated with adolescent saving and spending patterns. *Adolescence*, 24(95), 711–723.

Sherraden, M. S., Johnson, L., Guo, B., & Elliott, W. (2011). Financial capability in children: Effects of participation in a school-based financial

education and savings program. *Journal of Family and Economic Issues*, 32(3), 385-399.

Sohn, S. H., Joo, S. H., Grable, J. E., Lee, S., & Kim, M. (2012). Adolescents' financial literacy: The role of financial socialization agents, financial experiences, and money attitudes in shaping financial literacy among South Korean youth. *Journal of Adolescence*, 35, 969–980.

Webley, P. & Nyhus, E. K. (2006). Parents influence on childrens future orientation and saving. *Journal of Economic Psychology* 27, 140–164.